



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

TOKIO MARINE LIFE DAN RHB MENYEDIAKAN JAMINAN PEMBAYARAN TUNAI PERTAMA
DALAM INDUSTRI MENERUSI
INSURANS HAYAT RHB TREASURE 100

Memelihara kekayaan dan menyediakan perlindungan insurans hayat sehingga usia 100 tahun

Kuala Lumpur – Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (“Tokio Marine Life”) bersama rakan kongsi Bancainsurans, Kumpulan Perbankan RHB (“RHB” atau “Kumpulan”) melancarkan **RHB Treasure 100**, suatu penyelesaian komprehensif insurans hayat yang menawarkan Jaminan Pembayaran Tunai seumur hidup yang pertama dalam industri sehingga usia 100 tahun, memelihara kekayaan para pemegang polisi dan pada masa yang sama menyediakan perlindungan insurans.

Jaminan Pembayaran Tunai seumur hidup berkenaan dilakukan setiap tahun mulai akhir tahun pertama polisi, sehingga mencecah usia 100 tahun untuk hayat yang menerima perlindungan insurans. Pemegang polisi RHB Treasure 100 boleh memilih untuk menerima bayaran tunai biasa, atau sebagai pilihan melabur semula bayaran tunai berkenaan dengan Tokio Marine Life untuk terus mengembang dan mengumpul kekayaan mereka. Polisi berkenaan menyepadukan perlindungan untuk kematian serta Ketidakupayaan Sepenuhnya dan Kekal, di samping tiga peruntukan tambahan pilihan untuk meningkatkan perlindungan hayat, termasuklah perlindungan hayat untuk kedua-dua pemegang polisi dan hayat yang diberikan perlindungan insurans bagi memperoleh perlindungan dan manfaat yang lebih meluas.

“Tokio Marine Life terus komited dengan kerjasama kami bersama RHB. Kami sentiasa bekerjasama untuk menyediakan penyelesaian insurans yang unik bagi meningkatkan kualiti kehidupan pemegang polisi kami dan pihak yang tersayang mereka. Menerusi RHB Treasure 100, kami menyediakan suatu pelan untuk memelihara kekayaan dan mengekalkan legasi untuk waris mereka,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life, Encik Toi See Jong.

Mengenai pelancaran RHB Treasure 100, Ketua Perbankan Runcit Kumpulan Perbankan RHB, Rakesh Kaul, berkata, “RHB Treasure 100 menyediakan fleksibiliti kepada pemegang polisi dari segi memelihara komitmen kewangan yang ringkas dan mudah diurus, berserta pilihan syarat bayaran premium sama ada 5 tahun atau 10 tahun dan pada masa yang sama memelihara kekayaan dan menyediakan perlindungan sehingga usia 100 tahun. Tambahan yang tepat pada masanya kepada penyelesaian kekayaan RHB ini membuka lebih banyak pilihan kepada para pelanggan kami, sekali gus membolehkan mereka menyesuaikan dengan keperluan kewangan masing-masing. Kami

mensasarkan untuk memperoleh sehingga 2,000 pemegang polisi baharu menerusi pelan ini bagi tempoh dua belas bulan akan datang.”

Bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pelanggan sepanjang pandemik COVID-19 yang kian berlarutan ini, Kumpulan Perbankan RHB dan Tokio Marine Life telah mengoptimumkan penggunaan platform digital mereka dalam menyediakan sokongan tanpa gangguan kepada pihak pelanggan bagi perkhidmatan polisi insurans, pembayaran tanpa tunai secara dalam talian yang selamat, penghantaran tuntutan secara dalam talian dan mendapatkan sejarah tuntutan.

Untuk maklumat lanjut mengenai RHB Treasure 100, sila [klik](#) di sini.

About Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (“Tokio Marine Life”) has 70 years of presence in Malaysia and is financially strong with total assets of RM9.1 billion**. Today, Tokio Marine Life is a member of Tokio Marine Group in Japan with more than 38,000 employees, 46,000 agents and operates in 483 cities in 38 countries worldwide. The core company of Tokio Marine Group, Tokio Marine & Nichido Fire is financially strong with asset worth more than USD208.5 billion and has a credit rating* of A+ by Standard & Poor’s, Aa3 by Moody’s and A++ (Stable) by A.M. Best.

*Terms and conditions apply

**As of 31 December 2019

*As of 11 July 2019

For media enquiries, please contact:

Corporate Communications Department
Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
+603 2059 6012/6013
communications@tokiomarinelife.com.my

Mengenai Kumpulan Perbankan RHB

Kumpulan Perbankan RHB, dengan RHB Bank Berhad sebagai syarikat pegangan, merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan bersepadu keempat terbesar di Malaysia. Mulai 1 Julai 2021, struktur perniagaan teras Kumpulan terbahagi kepada lima tonggak perniagaan utama iaitu Perbankan Komuniti Kumpulan, Perbankan Wholesale Kumpulan, Perniagaan Syariah Kumpulan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan, dan Insurans Kumpulan.

Perbankan Komuniti Kumpulan terdiri daripada Perbankan Runcit dan Perbankan SME, manakala Perbankan Wholesale Kumpulan terdiri daripada Perbankan Pelaburan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan, Pasaran Perbendaharaan & Global Kumpulan, Pengurusan Aset Kumpulan, Perbankan Komersil, Perbankan Urusniaga, dan Ekonomi.

Kesemua lima Kumpulan Perniagaan Strategik (SBG) akan menawarkan penyelesaian kewangan mereka menerusi RHB Bank Berhad dan subsidiari utamanya - RHB Investment Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad, manakala pengurusan aset dan perniagaan unit amanah dikendalikan oleh RHB Asset Management Sdn. Bhd. dan RHB Islamic International Asset Management Berhad.

Kehadiran serantau Kumpulan kini meluas kepada sembilan negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Kemboja, Vietnam, Lao PDR dan Myanmar.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.rhbgroup.com.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Cairil Irwan di talian 012-333 5007 / cairil@rhbggroup.com

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan di talian 03-92068118 untuk pertanyaan mengenai produk dan perkhidmatan RHB.